



Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** yang masih sah dibenarkan membuat tawaran sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas tarikh tutup iklan sebut harga (**24 OKTOBER 2019**) bagi kerja serta syarat-syarat berikut :

Bil	No.Sebut Harga	Tajuk Kerja	Gred / Kategori / Pengkhususan
1	MPS.600-8/7/133	MEMBAIKI DAN MENURAP SEMULA JALAN SERTA LAIN - LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI LORONG BELAKANG KAMPUNG ABDULLAH, SEGAMAT	Gred : G2 Kategori : CE Pengkhususan : CE01

1. Dokumen Meja Sebut Harga akan dipamerkan dan CD-R Sebut Harga boleh diperolehi di kaunter penjualan sebut harga mulai **17 JULAI 2019** sehingga **24 JULAI 2019** semasa waktu pejabat dengan bayaran dalam bentuk **DRAF BANK** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau **KIRIMAN WANG POS (MONEY ORDER)** atau **WANG KIRIMAN POS BERPALANG (POSTAL ORDER)** berjumlah **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja)** bagi setiap pembelian CD-R Sebut Harga atas nama Majlis Perbandaran Segamat.
2. Kontraktor atau wakil yang sah diwajibkan membawa **Sijil Asal yang masih sah** dan menyediakan satu salinan Surat Pendaftaran **Sijil Perakuan Pendaftaran** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera (PKK)**, **Perakuan Pendaftaran Perniagaan (SSM)** semasa membuat pembelian CD-R Sebut Harga.
3. Semua Dokumen Sebut Harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di Pejabat Majlis Perbandaran Segamat sebelum jam **12.00 Tengah hari** pada **24 JULAI 2019 (RABU)**.

(MOHD MASNI BIN WAKIMAN)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Segamat.